

01/11/2000

Venture 2001 lantik lembaga penasihat

VENTURE 2001, pertandingan rancangan model perniagaan untuk memupuk dan membangunkan usahawan Malaysia dalam sektor teknologi maklumat (IT), Internet dan perdagangan elektronik melantik Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah sebagai anggota lembaga penasihat pertandingan berkenaan.

Ahli lembaga pengarah lain ialah Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Eksekutif Mesdaq, Khairil Anuar Abdullah; Naib Canselor Universiti Multimedia, Dr Ghauth Jasmon, Pengasas Catcha.com, Nic Lim; Presiden Kumpulan Skali, Tengku Farith Rithauddeen; Pengarah Urusan McKinsey & Co Asia Tenggara, Hsieh Tsun-yan; Ketua Eksekutif Institut Pengurusan Malaysia (MIM), Dr Tarcus Chin dan Rakan Kongsi General Atlantic Partners, John Wong.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah penaung Venture 2001 yang akan dilancarkan secara rasmi pada 7 November ini.

Prinsipal Bersekutu McKinsey & Co Malaysia, Dr Nikolai Dobberastein, berkata lembaga penasihat terdiri pegawai kanan kerajaan, ketua eksekutif, usahawan Internet dan ahli akademik yang kebanyakannya adalah pemimpin industri.

"Penyertaan pemimpin kerajaan dan industri, ahli akademik dan usahawan Internet sebagai penasihat membawa petanda baik kepada Venture 2001 kerana mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas yang boleh dikongsi bersama," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, kelmarin.

Venture 2001 dianjurkan bersama Mesdaq, McKinsey & Co Malaysia dan MIM bagi memupuk budaya usahawan yang kukuh di negara ini disamping membantu usahawan tempatan memulakan perniagaan dalam bidang IT. Pertandingan berkenaan diadakan dalam tiga peringkat dan berakhir pada Jun 2001.

Ia terbuka kepada usahawan, profesional dan pelajar yang ingin berkongsi idea perniagaan masing-masing.

Beliau berkata, kami yakin rakyat Malaysia mempunyai potensi hebat untuk menghasilkan idea yang menarik dan menjadikan idea berkenaan sebagai aktiviti niaga yang menguntungkan.

"Ramai mempunyai idea baik tetapi tidak tahu bagaimana untuk membangun dan mengembangkannya untuk menjadi perniagaan yang berdaya maju. Venture 2001 menyediakan landasan untuk mereka membangunkan idea mereka dan kudian untuk perniagaan," katanya.

(END)